

21/09/1999

Arsenik: Pas ragui pasukan penyiasat

KOTA BHARU, Isnin - Presiden Pas, Datuk Fadzil Nor, berkata parti itu tidak yakin dan meragui pasukan penyiasat polis yang diarahkan menjalankan siasatan berhubung kes keracunan arsenik oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sehubungan itu, beliau mengulangi pendirian parti itu mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membentuk sebuah suruhanjaya diraja secepat mungkin bagi menangani kes itu.

Beliau berkata, suruhanjaya bebas itu penting kerana diyakini dapat berfungsi lebih adil, bebas dan berkesan seperti mana pernah dilakukan mereka dalam menangani kes Anwar ketika dipukul oleh polis sebelum ini.

"Berdasarkan kes yang berlaku sebelum ini (Anwar dipukul) kita tidak yakin pasukan penyiasat yang diarah oleh kerajaan menjalankan siasatan ke atas Anwar dapat berjalan dan berfungsi dengan lebih baik serta berkesan.

"Kes keracunan arsenik yang menimpa Anwar amat serius sebab itu saya mendesak kerajaan khususnya Perdana Menteri menubuhkan suruhanjaya diraja bebas, lebih adil dan berkesan.

"Anwar sekarang sedang menderita berikutan maklumat daripada peguam-peguamnya. Kelmarin isteri Anwar, Datin Seri Wan Azizah, dapat melihat dia memberitahu keadaannya bertambah baik tetapi tanda-tanda berbahaya masih ada seperti kebas, rambut gugur dan tangannya menggeletar.

(END)